

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2018**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara setakat 31 Disember 2016. Nyatakan peratusan hutang negara yang dipinjam daripada institusi domestik dan luar negara, dan sama ada hutang negara telah mencecah siling KDNK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2017 adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8%, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.9% atau RM665.6 bilion adalah

hutang domestik (49.2% daripada KDNK). Sementara itu, baki 3.1% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan atau RM21.2 bilion (1.6% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Dari segi pemiutang atau pegangan hutang kepada Kerajaan Persekutuan, RM484.2 bilion atau 70.4% bon dan sukuk Kerajaan dipegang oleh *pelabur domestik*. Pemegang ini terdiri daripada institusi pelaburan yang kukuh dan berjangka panjang institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia dengan anggaran jumlah pegangan 29.5%, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (26.2%), syarikat insurans (4.5%), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (3.2%) dan institusi kewangan pembangunan (3.0%), institusi kewangan bukan bank (0.1%) dan lain-lain (3.9%). Baki sebanyak RM202.6 bilion atau 29.6% dipegang oleh *bukan pemastautin* seperti pengurus dana (11.8%), bank pusat, supranasional dan kerajaan (9.1%), dana persaraan (1.9%), institusi perbankan (4.6%), syarikat insurans (1.0%), institusi dua hala dan pelbagai hala dan lain-lain (1.2%).

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang

Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.